

0.2 hektar tanah rezab Sungai Gombak sebagai satu langkah mengindahkan kawasan sungai.

"Program berkenaan juga dikenalpasti dapat menghindarkan daripada penempatan setinggian dan menjadikan rezab sungai sebagai tempat pembuangan sampah," katanya.

Selepas semua infrastruktur disediakan oleh JPS, Mohd. Hatel menyediakan pula biji benih, baja dan racun serangga yang sesuai dengan tanaman tomato dan dibantu oleh Pegawai Pertanian Jabatan Pertanian Gombak/Petaling, Mohd. Shamsi Sumairi.

"Memandangkan kawasan tanah yang penuh dengan batu bata, pihak kami menasihatkan agar Mohd. Hatel menggunakan kaedah fertigasi," kata Shamsi.

Pada 2 Mei lalu, atas sokongan Yuszahairi serta beberapa jabatan berkaitan, Mohd. Hatel menyemai 1,400 tomato hibrid yang biasa ditanam di tanah tinggi Cameron Highland.

Kini tanaman tomato hanya menunggu masa untuk dituai dan sering menerima tetamu terutama pelajar sekolah dan belia yang berminat dalam bidang pertanian.

Yuszahairi berkata, projek tanaman tomato ini dijangka akan mengeluarkan hasil tidak lama lagi iaitu selepas 80 hari daripada tarikh semaian.

"Dianggarkan dalam sebulan sebanyak 1.2 tan tomato dapat dikutip di dalam satu rumah perlindungan hujan," kata Yuszahairi yang amat meminati bidang pertanian.

Beliau juga berharap agar Daerah Gombak Setia menjadi pusat pengembangan, lawatan, latihan dan penjualan benih dan baja kepada belia yang meminati bidang pertanian.

"Saya berharap masyarakat akan menghiasi rumah mereka dengan sayur-sayuran bagi mengurangkan kos perbelanjaan isi rumah," katanya.



TOMATO yang menunggu masa untuk dipetik.



YUSZAHARI Mohd. Yussoof (kiri) memilih tomato yang sedia untuk dipetik.



SISTEM fertigasi digunakan bagi mengalirkan air dan baja ke dalam polibeg.

Panduan menanam tomato

TOMATO merupakan satu jenis sayur-sayuran buah yang kaya dengan vitamin A dan C dan terdapat banyak jenis tomato yang dijual di pasar sama ada datangnya dari luar dan dalam negeri.

Biji benih biasanya disemai selama tiga hingga empat minggu sebelum diubah.

Tanah biasa atau gambut boleh digunakan untuk menyemai biji benih dengan keadaan tanah hendaklah halus dan ditambah baja NPK dengan nisbah (12:12:17:2).

Kemudian gaul benih dengan racun kulat seperti Thiram sebelum disemai pada jarak 5 cm x 0.5 cm dalam.

Selepas pokok tomato mula bercambah, sembur racun kulat dan serangga tiap-tiap minggu dengan kadar benih 300 gram sehektar.

Anak semaian sedia diubah bila mempunyai empat hingga lima helai daun atau pada minggu keempat.

Sebelum anak benih dipindah ke ladang, ia perlu disiram dan selepas diubah berikan lindungan daripada cahaya matahari terik.

Tanaman tomato memerlukan tanah yang kaya dengan bahan organik dan pengaliran air yang baik.

Tanah yang masam atau berasid hendaklah ditabur kapur magnesium sebanyak tiga hingga lima tan sehektar.

Batas-batas dibuat setinggi 20 hingga 30 cm dan lebar 1.2 meter manakala panjang boleh dibuat sepanjang yang disukai.

Anak semaian pula ditanam dengan jarak 60 cm antara pokok dan 60 cm antara barisan.

Satu cara menyokong pokok tomato adalah menggunakan tali dan pancang bagi mengelakkan buah jatuh ke tanah.

Bagi tanah gambut kadar membaja dengan NPK (12 : 12 : 17 : 2) adalah seperti berikut:

Peringkat pertumbuhan	Kadar sepokok
Minggu kedua	31g
Minggu keempat	31g
Minggu Kelapan	31g

Baja ditabur di sekeliling pokok.

Semasa pertumbuhan dua batang utama dibiarkan tumbuh dan berbuah sementara tugas memangkas dimulakan selepas pengeluaran bunga.

Sungkupan dilakukan bagi mengurangkan kehilangan air dari tanah, mengawal kenaikan suhu tanah dan kawal pertumbuhan rumpai.

Bahan sungkupan adalah sepertialang kering, pelepah kelapa sawit dan lain-lain.

Kawalan rumpai dilakukan dari semasa ke semasa untuk mengurangkan persaingan unsur makanan dan cahaya matahari.

Buah tomato boleh dipetik dalam masa 12 hingga 15 minggu dari tempoh menyemai dan petani disarankan memetik buah yang matang sebelum menjadi masak atau kuning.

Hasil boleh dipungut tiap-tiap tiga hari sekali dengan anggaran hasil 16,000 kilogram sehektar.